



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 12 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM AKAN MEMASUKKAN EKONOMI PENJAGAAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA - NANCY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-akan-memasukkan-ekonomi-penjagaan-dalam-pembangunan-negara-nancy-427672	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2205572	BERNAMA.COM
	https://www.thesundaily.my/local/nancy-care-economy-to-feature-in-national-development-planning-DD11215446	THESUNDAILY.MY
	https://newsav.com/article/nancy-shukri-care-economy-to-feature-in-national-development-planning-A2307_oEjqqA	NEWSAV.COM
	https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/07/11/nancy-shukri-care-economy-to-feature-in-national-development-planning/79134	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	TEMA HARI PENDUDUK SEDUNIA MENANGANI ISU KEPENDUDUKAN SECARA INKLUSIF	
	https://suaramerdeka.com.my/tema-hari-penduduk-sedunia-menangani-isu-kependudukan-secara-inklusif/	SUARAMERDEKA.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hari-penduduk-sedunia-2023-platform-tingkatkan-kesedaran-kesaksamaan-gender-427560	ASTROAWANI.COM
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/67107-hari-penduduk-sedunia-2023-tangani-isu-kependudukan-secara-inklusif	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	NANCY SHUKRI CRACKS DOWN ON SALES OF SEX DOLLS, PROMISES ZERO TOLERANCE	
	https://www.sinardaily.my/article/201028/malaysia/national/nancy-shukri-cracks-down-on-sales-of-sex-dolls-promises-zero-tolerance	SINARDAILY.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	WACANA BESTARI MENANGANI JENAYAH SIBER DIDIK MASYARAKAT – FATIMAH	
	https://tvstv.my/2023/07/11/wacana-bestari-menangani-jenayah-siber-didik-masyarakat-fatimah/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PERLIS BERUPAYA JADI LOKASI PEMINAT SUKAN EKSTREM	
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/07/11/perlis-berupaya-jadi-lokasi-peminat-sukan-ekstrem/	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
6	SPECIAL TRAINING MODULE FOR PPDk TRAINEES IN THE WORKS, SAYS MINISTER	
	https://www.theborneopost.com/2023/07/11/special-training-module-for-ppdk-trainees-in-the-works-says-minister/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	EDUCATION MINISTRY STILL PROBING IPOH BOY'S DEATH, SAYS MINISTER	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/07/11/education-ministry-still-probing-ipoh-boys-death-says-minister/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	GAMBAR STATUS WHATSAPP JADI PENGUBAT RINDU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986507/gambar-status-whatsapp-jadi-pengubat-rindu	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

12/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	NEGERI AGIH RM28 JUTA LICINKAN OPERASI JKM, BANTU GOLONGAN SASAR	
	https://selangorkini.my/2023/07/negeri-agih-rm28-juta-licinkan-operasi-jkm-bantu-golongan-sasar/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	EXCO MINTA JKM BANTU PERSEKOLAHAN ANAK MANGSA KEMALANGAN MAUT	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/exco-minta-jkm-bantu-persekolahan-anak-mangsa-kemalangan-maut/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/267587/edisi/utara/ibu-tunggal-tidak-mampu-kerja-selepas-hidap-kanser-tahap-tiga	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	MANGSA RIBUT FELDA CHINI TERIMA BANTUAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/07/1125025/mangsa-ribut-felda-chini-terima-bantuan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	TIADA DUIT BELANJA, ANAK TERPAKSA PONTENG SEKOLAH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-duit-belanja-anak-terpaksa-ponteng-sekolah-427547	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	BAKUL RAHMAH BUKTI KERAJAAN PRIHATIN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267635/berita/nasional/bakul-rahmah-bukti-kerajaan-prihatin	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	PENIAGA WANITA TERLEPAS HUKUMAN GANTUNG	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1125131/peniaga-wanita-terlepas-hukuman-gantung	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	AHLI PERNIAGAAN WANITA DIDAKWA TERIMA WANG DEPOSIT SETENGAH JUTA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/11/ahli-perniagaan-wanita-didakwa-terima-wang-deposit-setengah-juta/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BUDAK MERAJUK LARI KE HUTAN DITEMUKAN DALAM KELETIHAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267592/berita/semasa/budak-merajuk-lari-ke-hutan-ditemukan-dalam-keletihan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986410/budak-11-tahun-merajuk-lari-ke-hutan-ditemukan-selamat	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/merajuk-lari-ke-dalam-hutan-kanak-kanak-11-tahun-ditemukan-selamat/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/11/kanak-kanak-perempuan-larikan-diri-ke-dalam-hutan-ditemui-selamat/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	ROGOL PELAJAR MADRASAH: PELAJAR KOLEJ DIKENAKAN BON BERKELAKUAN BAIK	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-pelajar-madrasah-pelajar-kolej-dikenakan-bon-berkelakuan-baik-427648	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	MURID DIGIGIT GURU KURANG SELERA MAKAN, EMOSI TIDAK STABIL	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/murid-digigit-guru-kurang-selera-makan-emosi-tidak-stabil-427590	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/11/emosi-anak-tak-stabil-lepas-guru-gigit-bibir-tarik-mulut/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	POLIS NAFI TIDAK TELUS SIASAT KES BUDAK LEMAS DI TASKA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986688/polis-nafi-tidak-telus-siasat-kes-budak-lemas-di-taska	HMETRO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/11/kanak-kanak-lemas-di-taska-pengetua-didakwa-esok/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kes-kanak-kanak-mati-lemas-guru-besar-taska-didakwa-esok/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-nafi-tidak-telus-siasat-kes-kanakkanak-lemas-di-taska-427683	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
20	SERTAI KELAS JAHITAN KANAK-KANAK SETIAP SABTU SEPANJANG JULAI	
	https://selangorkini.my/2023/07/sertai-kelas-jahitan-kanak-kanak-setiap-sabtu-sepanjang-julai/	SELANGORKINI.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

12/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	HARUS KANAK-KANAK MAIN MOBILE LEGENDS, MAKRUH UNTUK ORANG DEWASA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/11/harus-kanak-kanak-main-mobile-legends-makruh-untuk-orang-dewasa/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	WANITA BERAGAMA KRISTIAN TERKEJUT ANAK LELAKINYA SUKA MENDENGAR AZAN	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/07/1124991/wanita-beragama-kristian-terkejut-anak-lelakinya-suka-mendengar-azan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	HFMD: KES DI JOHOR MENINGKAT MINGGU LALU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986520/hfmd-kes-di-johor-meningkat-minggu-lalu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	'MAMA RINDU ADIK... BANGUNLAH MINUM SUSU'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986514/mama-rindu-adik-bangunlah-minum-susu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	22 MOTOSIKAL KENA SITA, PARKIR DI LALUAN OKU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986682/22-motosikal-kena-sita-parkir-di-laluan-oku	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

12/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
26	SARAWAK PANDANG SERIUS ISU ATLET OKU TIDAK DIBERI ELAUN	
	https://www.youtube.com/watch?v=B4Su0uzoc7k	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
27	SELANGOR BERI WANG TUNAI RM150 SETAHUN KEPADA WARGA EMAS	
	https://www.astroawani.com/berita-politik/selangor-beri-wang-tunai-rm150-setahun-kepada-warga-emas-427651	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/267689/edisi/selangor-kl/selangor-beri-wang-tunai-rm150-setahun-kepada-warga-emas	SINARHARIAN.COM.MY
	https://harapandaily.com/hanya-selangor-beri-wang-tunai-rm150-setahun-kepada-warga-emas/	HARAPANDAILY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
28	WARGA EMAS HANYA ADA RM5 UNTUK BELI BAJU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/11/warga-emas-hanya-ada-rm5-untuk-beli-baju/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
29	SAMUN WARGA EMAS, PENGANGGUR DIPENJARA TIGA TAHUN, DUA SEBATAN	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/samun-warga-emas-penganggur-dipenjara-tiga-tahun-dua-sebatan/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/7/2023

BIL

PERKARA

SUMBER

30 LELAKI DERA ANJING AKAN KEMUKA REPRESENTASI

<https://www.sinarharian.com.my/article/267610/berita/semasa/lelaki-dera-anjing-akan-kemuka-representasi>

SINARHARIAN.COM.MY



TAJUK : GAMBAR STATUS WHATSAPP PENGUBAT RINDU

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Gambar status WhatsApp pengubat rindu

Batu Gajah: "Gambar status WhatsApp arwah ayah bersarapan semalam adalah yang terakhir kami boleh lihat selepas ini bagi melepaskan rindu," luah Mohd Ikman Hafifi Mohd Ramddan anak kepada Mohd Ramddan Abd Rahim dan Kisdalliana Saad yang maut dalam kemalangan di Kilometer 3.5 Jalan Gopeng-Kota Bharu, kelmarin.

Dalam nahas kira-kira jam 5.20 petang itu, Mohd Ramddan, 44, dan isterinya, Kisdalliana, 43, maut di tempat kejadian, manakala ibu Mohd Ramddan, Noraini Ahmad, 63, serta anak pasangan itu Nur Fatimah Najihah Mohd Ramddan, 7, parah di kepala ketika dalam perjalanan menghantar barang yang dibeli untuk anak sulung mereka yang baru mendaftar di Kolej Matrikulasi Perak, Gopeng.

Mohd Ikman Hafifi, 17, berkata, dia mendapat tahu berita mengenai kejadian terbabit daripada ibu saudaranya kira-kira jam 5.50 petang kelmarin, ketika berada di rumah mereka di Kampung Serkai Jadi, Tronoh, di sini.

"Beberapa minit selepas itu, kakak sulung yang baru mendaftar di Kolej Matrikulasi Perak, Gopeng (Nur Fatin Syafikah Mohd Ramddan, 18) menelefon dan beritahu bahawa ayah dan mak sudah meninggal dunia.

"Saya sangat terkejut ketika itu dan tak percaya, saya tak terfikir akan kehilangan ayah dan mak serentak dengan cara begini.

"Terasa masih terdengar lagi suara mereka kali terakhir kami rancak berbual malam kelmarin ketika mengemas barang kakak sebagai persiapan masuk kolej," kata anak kedua daripada empat beradik itu.

Katanya, dia dan seorang lagi



Mohd Ikman Hafifi dan Mohd Aiman Daniel di pusara ibu bapanya yang maut dalam kejadian nahas di Jalan Gopeng-Kota Bharu, kelmarin. Gambar kecil, tangkap layar status WhatsApp terakhir Mohd Ramddan bersama isteri, Kisdalliana. (Foto Muhamad Lokman Khair/BH)

adiknya, Mohd Aiman Daniel Mohd Ramddan, 13, sepatutnya ikut bersama ke Gopeng kelmarin, namun pada saat akhir, ibunya meminta mereka berdua kekal di rumah.

Katanya, neneknya memang akan memandu kereta apabila membawa keluarganya ke mana-mana bagi apa-apa urusan kerana ibu bapanya tidak mempunyai lesen kereta.

Tiada perubahan sikap

Mohd Ramddan bertugas sebagai kerani di sebuah sekolah menengah di Menglembu, manakala Kisdalliana bekerja di sebuah kilang keropok berdekatan rumah mereka.

Mohd Ikman Hafifi berkata, tiada sebarang perubahan sikap yang ditunjukkan oleh ibu bapa-

nya melainkan membenarkan dia berhenti sekolah sejak September tahun lepas untuk bekerja di kilang pemprosesan tempat sama ibunya bekerja.

"Pagi semalam (kelmarin) sebelum bertolak, mak pesan kepada saya supaya tengok-tengokkan adik (Mohd Aiman Daniel) yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tronoh, minta saya hantar dan jemput adik dari sekolah," katanya ketika ditemui di kediamannya, semalam.

Sementara itu, adik bongsu kepada Mohd Ramddan, Mohd Azlan Abd Rahim, 37, berkata dia akan mengambil tugas menjaga keempat-empat anak saudaranya selepas ini.


Turut hadir menziarahi, Pengerusi Pembangunan Wanita,

Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan negeri, Salbiah Mohamed, pihak pengurusan Kolej Matrikulasi Perak serta guru SMK Tronoh.

Salbiah ketika ditemui berkata, beliau akan memanjangkan keperluan anak pasangan berkenaan yang masih belajar ke perhatian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Jenazah Mohd Ramddan dan Kisdalliana dikebumikan dalam satu liang lahad di Tanah Perkuburan Islam Kampung Serkai Jadi, Tronoh di sini jam 11.45 pagi semalam.

Difahamkan, Noraini sudah menjalani pembedahan mengeluarkan darah beku di kepala di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh dan masih dalam pemantauan pihak hospital.



TAJUK : KPM SERAH PIHAK BERKUASA GURU DIDAKWA GIGIT MURID

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KPM serah pihak berkuasa guru didakwa gigit murid

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) sudah menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat kejadian murid sebuah sekolah di Pantai Timur yang didakwa digigit seorang guru.

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata pihaknya tidak akan berkompromi dengan sebarang keganasan, termasuk buli atau penindasan terhadap murid.

Katanya, segala siasatan mesti mengikut saluran dan proses yang betul iaitu mempunyai aduan, siasatan dan ketelusan.

“(Kes ini) kita telah serah kepada pihak berkuasa dan sedang menanti keputusan,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Digital Utilisation and Technology Awards (DUTA) 2002 di Auditorium Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Bukit Kiara di sini, semalam.

Kelmarin, seorang ibu mend-

akwa anak lelakinya berusia enam tahun digigit seorang guru hingga menyebabkan mental murid itu terganggu.

Dalam hantaran itu, ibu murid berkenaan hairan selepas anaknya sering bertanya soal cuti sekolah dan tidak ceria seperti selalu.

Pada mulanya, wanita itu beranggapan bahawa anaknya menjadi mangsa buli sehingga akhirnya terbongkar kisah bahawa anaknya digigit seorang guru lelaki hingga takut untuk ke sekolah.

Dakwanya, bukan anak lelakinya sahaja menjadi mangsa tetapi kejadian itu turut berlaku terhadap beberapa murid lain apabila guru berkenaan menggigit bahagian tidak sepatutnya iaitu mulut, tangan dan telinga.

Ditanya mengenai status guru berkenaan, Fadhlina berkata, perkara itu kini disiasat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).



TAJUK : WARGA THAILAND BEBAS DAKWAAN EDAR DADAH

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 14

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Warga Thailand bebas dakwaan edar dadah

Kota Bharu: Seorang peniaga wanita warganegara Thailand dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam, atas dakwaan mengedar dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat 86.8 gram, September 2018.

Hakim Datuk Roslan Abu Bakar membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh, Miss Rusneeda Beraheng, 41.

Roslan dalam penghakimannya berkata, pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen milikan kereta dan dadah.

"Elemen pengedaran dadah secara automatik gagal kerana elemen milikan kereta tidak berjaya dibuktikan.

"Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie. Justeru, tertuduh dibebas dan

dilepaskan tanpa dipanggil membela diri." katanya.

Pihak pendakwaan mengemukakan lapan saksi terdiri daripada pegawai penyiasat, pegawai polis dan ahli kimia yang dipanggil sepanjang perbicaraan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Aida Fatimah Abd Jabar manakala tertuduh diwakili peguam Ahmad Nizam Mohamed.


Terdahulu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Kubang Juluk, Rantau Panjang, Pasir Mas jam 9 pagi, pada 4 September 2018.

Wanita itu didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta yang sama yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati.



Tertuduh dibawa ke Mahkamah Tinggi Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



TAJUK : 'ADIK SEMPURNA DI MATA KAMI' - IBU

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



KAKI Kasyful Hafiy Haidar selepas jalani pembedahan ketika berusia dua bulan.

KEADAAN kaki Kasyful Hafiy Haidar sebelum menjalani pembedahan.

'Adik sempurna di mata kami' - Ibu

Kepala Batas: "Andai kata tak sempurna di mata orang, dia tetap sempurna di mata kami."

Begitu kata Halwana Husain, 35, mengenai keadaan anak bongsunya, Kasyful Hafiy Haidar Kasyful Fuzair yang dilahirkan dengan masalah kaki kanan bengkok atau congenital talipes equinovarus (CTEV) bilateral clubfoot.

Jauh di sudut hati, ibu kepada empat anak sedih melihat keadaan Kasyful Hafiy Haidar, lima bulan, yang kini hanya boleh meniarap, namun menerima ketentuan Ilahi dengan reda.

"Mesti sedih kerana anak-anak lain normal, namun adik (nama panggilan) pula jadi begitu.

"Sampai satu tahap, saya tutup kaki adik dengan kain kerana malu orang tengok dia dalam keadaan begitu. Waktu orang datang melawat ketika berpantang, saya beritahu mereka adik



KASUT khas yang perlu dipakai Kasyful Hafiy Haidar selama 23 jam setiap hari selama tiga bulan.

dalam pemantauan doktor.

"Saya pernah tertanya juga apa salah saya, namun suami dan keluarga terutama emak serta ibu mentua memberi kekuatan untuk saya bangkit selain adik-beradik serta rakan yang sering bertanya khabar," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Berikutan masalah dihidapi, Kasyful Hafiy Haidar

kaki adik disimen selama tiga minggu dan terus pakai kasut khas seperti yang disyorkan doktor.

"Kasut khas itu perlu dipakai selama 23 jam setiap hari untuk tempoh tiga bulan kerana fungsinya membantu struktur kaki adik kembali normal dan mengelak ia bengkok semula.

"Harganya tidak murah kerana menelan kos sebanyak RM1,234. Bukan senang nak dapatkan kerana suami terpaksa pinjam duit dulu dengan kawan untuk membelinya.

"Itu kenangan tak dapat saya lupakan, namun ikhtiar juga demi adik walaupun dia tak boleh duduk diam dan sampai kena pujuk dipakaikan kasut terbabit," katanya.

Perkongsian di TikTok miliknya @wawaaaaa-09, Halwana berkata, niatnya memuat naik video di platform itu untuk menyimpan kenangan.

perlu menjalani pembedahan ketika berusia dua bulan membolehkan prosedur pemetongan urat di belakang kaki.

Menurut Halwana, pada mulanya dia berat hati untuk membenarkan Kasyful Hafiy Haidar menjalani pembedahan berkenaan, namun akur selepas dinasihatkan oleh doktor.

"Selepas pembedahan,



TAJUK : 'SAYA RINDU, RISAU'

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

"**M**ama rindu adik...bangunlah minum susu," rintih Nur Fitri Basril apabila bayinya masih belum sedar selepas menjalani pembedahan membuang ketumbuhan bersaiz 10 sentimeter (cm), kelmarin.

Nur Fitri, 29, berkata kali terakhir dia menyusukan Muhammad Anaqi Fayyadh Abu Zar, 23 bulan, kira-kira jam 5 pagi sebelum pembedahan dijalankan di Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini.

Menurutnya, selepas mengiringi Muhammad Anaqi Fayyadh yang mesra disapa Adik ke dewan bedah jam 10 pagi kelmarin, dia belum dapat melihat bayinya dan mengalami bengkak susu.

"Sejak itu saya alami bengkak susu dan setiap saat saya teringatkan adik. Saya rindu dan risaukan adik, mesti dia kehausan kerana setiap jam biasanya dia akan menyusui."

"Walaupun mengalami bengkak susu, saya tetap bertahan dan menunggu adik bangun kerana dia tidak mahu minum susu dalam botol," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nur Fitri berkata, dia menunggu maklum balas daripada doktor mengenai ke-

Oleh Noor Hidayah Tanti
hidayah.tanti@hmetro.com.my

Cheras

Mendengar rintihan dan tangis anak lelaki sayangnya yang baru berusia setahun 11 bulan menahan kesakitan kerana ketumbuhan otak meremukkan hati Nur Fitri Basril yang kini hamil tujuh bulan.

Anak kedua Nur Fitri, 29, Muhammad Anaqi Fayyadh Abu Zar didiagnosis penyakit itu pada 21 Jun lalu selepas mengalami perubahan mendadak apabila hampir terjatuh tangga di rumah ibu saudaranya tiga bulan lalu.

Penderitaan Muhammad Anaqi Fayyadh mesra disapa adik mendapat perhatian di TikTok apabila bapa saudaranya yang juga adik ipar Nur Fitri berkongsi video bayi lelaki itu memerlukan bantuan kos perubatan.

Nur Fitri berkata, Muhammad Anaqi Fayyadh turut diuji apabila diserang angin ahmar di sebelah kiri badan kesan penyakitnya dan kini mendapatkan rawatan di Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, sejak seminggu lalu.

Menurutnya, anaknya menjalani prosedur memusnahkan koma di paha sehingga ke otak untuk pemeriksaan di bahagian berkenaan.

"Ketumbuhan di otak kanan adik sebesar 10 sentimeter (cm) dan saya dimak-

LAPORAN Harian Metro, 8 Julai lalu.

PILU DENGAR TANGISAN ANAQI

Bayi dua tahun hidup ketumbuhan otak perlu dana RM100,000 tampung kos rawatan



"**S**aya tidak bekerja dan suami hanya pemandu lori"
Nur Fitri

Nur Fitri dan Muhammad Anaqi Fayyadh yang menderita ketumbuhan otak.

berdarah. Bahagian badan sebelah kiri adik juga lemah akibat angin ahmar.
"Adik perlu ambil suntikan otak supaya ketumbuhan itu tidak membesar. Setiap kali adik me-

Memerutnya, anggaran kos perubatan Muhammad Anaqi Fayyadh dianggarkan RM500,000 selalunya mensejahterakan mereka kerana tidak berkemampuan.

Katanya, bil rawatan anak termasuk ujian imbasan Pengiraan Resonans Magnetik (MRI) di hospital swasta sebelum ini juga ditanggung sendiri atas beberapa faktor.

"Saya tidak bekerja dan suami (Abu Zar Zainal) hanya pemandu lori yang kini berhenti buat sementara. Pihak hospital (HPKK UKM) beritahu mereka sedia membantu kami untuk mendapatkan bantuan pihak berkaitan.

"Saya tersektak apabila mendengar kos perubatan adik, tetapi sebagai ibu saya mahu dia mendapatkan rawatan terbaik supaya dapat membesar dengan sihat," katanya yang mempunyai seorang lagi anak perempuan.

Katanya, dalam keadaan hamil ketika ini dia tetap mengutamakan anak biarpun piangganya selalu sakit terutama ketika mengandung Muhammad Anaqi Fayyadh.

"Kami berusaha memba-
wa adik melakukan rawatan alternatif seperti berurut dan bahagian kiri badan adik dan kini boleh digerakkan sedikit," katanya membe-
ri-tahu anak turut mendapat bantuan dana perubatan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Nur Fitri yang tinggal di Kempong, Johor Bharu berkata, mereka kini berkam-
pung di HPKK UKM untuk rawatan anak yang sebelum-

» INFO

● Penderitaan Muhammad Anaqi mula mendapat perhatian di TikTok selepas bapa saudaranya iaitu adik ipar Nur Fitri berkongsi video memerlukan bantuan kos perubatan dengan anggaran RM100,000

● Doktor terpaksa tidurkan Muhammad Anaqi supaya dia boleh berehat kerana ada pendarahan sebelum dimasukkan ke Picu

kan rakyat Malaysia turut mendoakan kesembuhan serta keadaan kesihatan anak keduanya yang didiagnos ketumbuhan otak pada 21 Jun lalu bertambah baik.

"Sebagai ibu, saya tidak putus berdoa mudah-mudahan ada keajaiban buat adik. Saya juga berharap rakyat Malaysia sudi mendoakan untuk adik," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan kisah Muhammad Anaqi Fayyadh yang bukan hanya didiagnos penyakit itu malah diuji dengan serangan angin ahmar pada bahagian kiri badannya.

Penderitaan bayi itu mula mendapat perhatian di TikTok selepas bapa saudaranya iaitu adik ipar Nur Fitri berkongsi video memerlukan bantuan kos perubatan dengan anggaran RM100,000.

ANAQI SELESAI JALANI PEMBEDAHAN

'Saya rindu, risau'

adaan dan perkembangan terkini anaknya itu.

"Saya dimaklumkan pembedahannya selesai kira-kira 7

malam semalam (kelmarin). Doktor terpaksa tidurnya supaya dia boleh berehat se-

belum dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Pediatrik (Picu).
"Kini, saya berdebar menunggu panggilan daripada

doktor mengenai keadaan terkini adik. Harap sangat ada berita baik," katanya.

Katanya, dia mengharap-

kan rakyat Malaysia turut mendoakan kesembuhan serta keadaan kesihatan anak keduanya yang didiagnos ketumbuhan otak pada 21 Jun lalu bertambah baik.

"Sebagai ibu, saya tidak putus berdoa mudah-mudahan ada keajaiban buat adik. Saya juga berharap rakyat Malaysia sudi mendoakan untuk adik," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan kisah Muhammad Anaqi Fayyadh yang bukan hanya didiagnos penyakit itu malah diuji dengan serangan angin ahmar pada bahagian kiri badannya.

Penderitaan bayi itu mula mendapat perhatian di TikTok selepas bapa saudaranya iaitu adik ipar Nur Fitri berkongsi video memerlukan bantuan kos perubatan dengan anggaran RM100,000.



TAJUK : BURUH DIDAKWA ROGOL ANAK TIRI

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Buruh didakwa rogol anak tiri

Kota Bharu: Seorang buruh didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan merogol anak tirinya, Jun lalu.

Bagaimanapun tertuduh yang berusia 31 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol anak tirinya yang berusia 13 tahun tujuh bulan ketika kejadian yang mana tertuduh tidak boleh berkahwin dengan mangsa mengikut hukum agama Islam.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah

rumah dekat Pasir Puteh, jam 6 petang, pada Jun 2023.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan sehingga 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Abu Arsalnaa Zainal Abidin manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Abu Arsalnaa tidak mencadangkan jaminan kepada tertuduh kerana kes itu sangat serius dan ia tidak boleh di-

jamin.

Mahkamah kemudian menetapkan 21 Ogos ini untuk sebutan semula kes.





TAJUK : MEMORI STATUS WHATSAPP TERAKHIR AYAH

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 02

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh Muhamad Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Batu Gajah

Gambar status WhatsApp ayahnya yang bersarapan menjadi kenangan terakhir keluarga mangsa kemalangan yang meragut nyawa pasangan suami isteri di KM 3.5 Jalan Gopeng-Kota Bharu, kelmarin.

Mohd Ikman Hafifi Mohd Ramddan, anak kepada Mohd Ramddan Abd Rahim dan Kisdalliana Saad berkata, masih terdengar lagi suara mereka berjual Ahad lalu semasa mengemas barang-barang kakak sulungnya.

Katanya, dia mendapat tahu berita mengenai kejadian terbabit dari ibu saudaranya jam 5.50 petang kelmarin ketika berada di rumah mereka di Kampung Serkai Jadi, Tronoh di sini.

"Beberapa minit selepas itu, kakak sulung yang baru mendaftar di Kolej Matrikulasi Perak, Gopeng (Nur Fatin Syafikah Mohd Ramddan, 18) menelefon dan beritahu ayah dan mak sudah meninggal dunia.

"Perasaan ketika itu sangat terkejut dan tak percaya, saya tak terfikir akan kehilangan kedua-dua mereka serentak dengan cara begini," katanya.

Dalam kejadian jam 5.20 petang, Mohd Ramddan Abd Rahim, 44, dan isterinya, Kisdalliana Saad, 43, maut di tempat kejadian manakala ibu Mohd Ramddan, Noraini Ahmad, 63, serta anak pasangan itu Nur Fatimah Najihah Mohd Ramddan, 7, parah di kepala.

Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendent Mohamad Nazri Daud, berkata selepas menghantar seorang daripada anak mereka ke kolej berkenaan, empat beraak berasal dari Tronoh itu keluar untuk membeli barangan.



PASANGAN HANTAR ANAK KE KOLEJ MAUT NAHAS

Memori status WhatsApp terakhir ayah

GAMBAR di status WhatsApp yang dikongsi Mohd Ramddan.



MOHD Ikman dan Mohd Aiman di hadapan pusara ibu bapa mereka di Tanah Perkuburan Islam Kampung Serkai Jadi, Tronoh.

"Mereka kemudian (ingin) kembali semula ke kolej untuk menghantar barang yang dibeli namun dalam perjalanan (sampai) di tempat kejadian, kemalangan berlaku," katanya.

Katanya, polis yang tiba mendapati kereta Proton Perdana dipandu Noraini dari arah Gopeng menuju Kota Bharu berada di atas pagar kawasan kilang dengan bahagian hadapannya menghala ke arah jalan.

Mohd Ikman Hafifi berkata, dia dan seorang lagi adiknya, Mohd Aiman Daniel Mohd Ramddan, 13, sepatutnya ikut bersama ke Gopeng kelmarin namun pada saat-saat akhir, ibunya meminta mereka berdua kekal di rumah.

Katanya, neneknya memang memandu kereta apabila membawa keluarganya ke mana-mana kerana ibu bapanya tiada lesen kereta.

Mohd Ramddan bertugas sebagai kerani di sebuah sekolah menengah di Menglembu manakala Kisdalliana bekerja di sebuah kilang keropok berdekatan rumah mereka.

Mohd Ikman Hafifi berkata, tiada sebarang perubahan sikap yang ditunjukkan ibu bapanya melainkan membenarkan dia berhenti sekolah sejak September tahun lalu untuk bekerja di



Pagi semalam sebelum bertolak, mak pesan kepada saya tengok-tengokkan adik (Mohd Aiman Daniel) yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tronoh, minta saya hantar dan jemput adik dari sekolah"

Mohd Ikman

kilang memprosesan tempat sama ibunya bekerja.

"Pagi kelmarin sebelum bertolak, mak pesan kepada saya tengok-tengokkan adik (Mohd Aiman Daniel) yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tronoh, minta saya hantar dan jemput adik dari sekolah," katanya.


Sementara itu, adik bongsu kepada Mohd Ramddan, Mohd Azlan Abd Rahim, 37, berkata, dia akan mengambil tugas menjaga keempat-empat anak saudaranya.

Hadir melawat keluarga terbabit, Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan negeri, Salbiah Mohamed, pengurusan Kolej Matrikulasi Perak serta guru SMK Tronoh.

Salbiah ketika ditemui berkata, beliau akan memanjangkan keperluan anak-anak pasangan itu ke perhatian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Jenazah Mohd Ramddan dan Kisdalliana dikebumikan dalam satu liang lahad di Tanah Perkuburan Islam Kampung Serkai Jadi, Tronoh di sini jam 11.45 pagi semalam.

Difahamkan, Noraini sudah menjalani pembedahan mengeluarkan darah beku di kepala di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh dan masih dalam pemantauan pihak hospital.



TAJUK : SEGERAKAN SUMBANGAN KEPADA KELUARGA BEKAS WARTAWAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Segerakan sumbangan kepada keluarga bekas wartawan

Kuala Lumpur: Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil meminta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) menyegerakan sumbangan kepada keluarga bekas wartawan dan pemenang Anugerah Kajai, Wan Noor Hayati Wan Alias, menerusi Tabung Kasih@Hawana 2023.

Menzahirkan rasa pilu atas pemergian Allahyarham Wan Noor Hayati atau

lebih dikenali sebagai Wanti yang meninggal dunia petang kelmarin, Fahmi berkata, isu kebajikan dalam kalangan pengamal media antara keutamaannya.

"Sebelum ini dalam Mesyuarat Pasca Kabinet minggu lalu, saya meminta Bernama segera berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan dana RM1 juta diumumkan Perdana Menteri pada Hari

Wartawan Nasional (Hawana) Mei lalu, disediakan bagi tabung kebajikan Bernama.

"Malah supaya ia dapat segera dimanfaatkan terutama bagi semua yang memerlukan dalam kalangan pengamal media," katanya selepas menjadi tetamu pada program Ruang Bicara terbitan Bernama TV, malam kelmarin.

Terdahulu, Wan Noor Hayati, 44, dilaporkan mening-

gal dunia di Hospital Serdang di sini jam 6.10 petang kelmarin akibat kegagalan jantung selepas bergelut dengan penyakit radang paru-paru.

Selain pernah berkhidmat dengan Utusan Malaysia, Allahyarham adalah bekas wartawan Berita Harian dan Media Variasi serta pernah memenangi Anugerah Kajai iaitu anugerah tertinggi dalam bidang kewartawanan

negara yang diberikan Malaysian Press Institute (MPI) pada 2013.

Allahyarham ibu tunggal dan meninggalkan seorang anak lelaki berusia sembilan tahun.

Pada Mei lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan permulaan RM1 juta untuk Tabung Kasih@Hawana yang diwujudkan sempena Hawana 2023

bagi menyantuni pengamal media, bekas petugas media dan wartawan veteran yang memerlukan bantuan.

Tabung Kasih@Hawana adalah inisiatif Kementerian Komunikasi dan Digital dan dilaksanakan menerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), sebagai usaha berterusan membantu komuniti media yang berdepan kesukaran dan cabaran hidup.



TAJUK : SYUKUR KINI SUDAH ADA KEDIAMAN BAHARU LEBIH SELESA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tanah Merah: Dulu tinggal di rumah hampir menyembah bumi, kini menghuni 'istana'.

Sebelum ini, pasangan suami isteri, Fatenah dan Mohd Nazli Abdullah, kedua-duanya berusia 52 tahun menghuni rumah pusaka usang di Kampung Chekok Ipoh di sini, malah berdepan pelbagai ancaman haiwan berbisa yang kerap 'muncul' di dalam kediaman berkenaan.

Harian Metro juga pernah menyiarkan kisah pasangan berkenaan.

Hasil sumbangan individu prihatin, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Cempaka Merah Asnaf Society membantu membina rumah bernilai kira-kira RM40,000 itu.

"Kami bersyukur kerana kini dapat berteduh daripada hujan dan panas serta ancaman haiwan berbisa," katanya lagi.

Menurut Fatenah, kini mereka tidak perlu lagi berdepan dengan kemunculan ular senduk yang kerap kali ditemui di segenap ruang selain kepingan zink kerap jatuh berikutan struktur rumah yang semakin usang.



FATENAH (kanan) menerima replika kunci rumah dari Che Norhayati sebagai simbolik penyerahan rumah baharu untuk didiaminya bersama suami di Kampung Chekok Ipoh.



FATENAH menunjukkan rumah pusaka yang didiaminya bersama suami sebelum ini.

Syukur kini sudah ada kediaman baharu lebih selesa

"Alhamdulillah, rumah baharu yang dibina di belakang rumah pusaka ini sudah siap sepenuhnya dan pada Aidiladha lalu, kami sempat beraya di kediaman berkenaan walaupun ketika itu, ia masih belum 100 peratus lengkap," katanya.

Menurut Fatenah, dia gerun setiap kali terbayangkan kejadian didatangi ular

senduk dan haiwan berbisa ketika tinggal di kediaman lama kerana ruang dalam rumah itu seperti rumah tinggal.

"Hanya bilik tidur sahaja yang masih selamat didiami manakala keadaan ruang tamu dan dapur pula semakin te-

ruk," katanya.

Fatenah yang menjalankan perniagaan air kelapa dan mi celup secara kecil-kecilan di hadapan rumahnya juga pernah diserang angin ahmar tahun lalu.

Manakala suaminya yang bekerja sebagai bu-


ruh di sebuah sekolah agama di sini, mengalami komplikasi akibat batu dalam hempedu.

"Kami dikurniakan seorang anak, Nurul Ain Najwa, berusia 24 tahun. Dia sudah berkahwin dan menetap di kampung bersebelahan namun setiap hari akan datang membantu saya berniaga di gerai ini," katanya. Sementara itu, pengurus

Cempaka Merah Asnaf Society Che Norhayati Mohamed berkata, pembinaan rumah itu mengambil masa dua bulan.

"Sebahagian besar dana untuk pembinaan rumah ini hasil sumbangan seorang ahli perniagaan yang enggan dikenali dan kami berbesar hati dapat membantu pasangan ini," katanya.

Pembinaan rumah Fatenah mengambil masa dua bulan



TAJUK : WABAK HFMD MENINGKAT 45.7 PERATUS DI JOHOR

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wabak HFMD meningkat 45.7 peratus di Johor

Johor Bahru: Johor mencatatkan peningkatan kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) 45.7 peratus pada minggu epidemiologi ke-27 tahun ini berbanding minggu sebelumnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, data diambil sehingga 8 Julai menunjukkan kes baharu pada minggu lalu sebanyak 450 kes berbanding minggu sebelumnya hanya 311 kes.

Katanya, setakat ini, kes HFMD paling tinggi dilaporkan di Johor Bahru diikuti Tangkak dan Kota Tinggi.


“Secara keseluruhan, kumulatif kes HFMD di negeri ini menunjukkan Johor Bahru mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 1,237 kes atau 37 peratus.

“Tangkak dengan 365 kes (10.9 peratus), Kota Tinggi

339 kes (10.1 peratus), Kluang 329 kes (9.8 peratus), Batu Pahat 317 kes (9.5 peratus), Kulai 202 kes dan Segamat 200 kes (6 peratus) Muar 178 kes (5.3 peratus), Pontian 159 kes (4.8 peratus) dan Mersing 21 kes (0.6 peratus),” katanya.

Menurut Tian Soon, kebanyakan kes HFMD di negeri ini berlaku dalam kalangan kanak-kanak di bawah enam tahun yang mencatatkan 2,856 kes atau 85.3 peratus, diikuti kumpulan usia tujuh hingga 12 tahun dengan 421 kes (12.6 peratus) dan selebihnya berusia 13 tahun ke atas.

Beliau berkata, 17 wabak aktif HFMD dilaporkan di negeri ini apabila lokasi penularan berlaku memabitkan tadika, taska, pusat jagaan harian, prasekolah, rumah persendirian serta sekolah rendah.



TAJUK : WANITA THAILAND TERLEPAS TALI GANTUNG

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



MISS Rusneeda dibawa keluar dari mahkamah, semalam.

Wanita Thailand terlepas tali gantung

Kota Bharu: Seorang wanita warganegara Thailand terlepas hukuman gantung selepas Mahkamah Tinggi di sini, semalam membebaskan dan melepaskannya selepas mengetepikan sabitan terhadap tuduhan mengedar 86.8 gram (g) dadah jenis methamphetamine pada 2018.

Hakim Datuk Roslan Abu Bakar membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan gagal mewujudkan kes prima facie ter-

hadap tertuduh, Miss Rusneeda Beraheng, 41.

Miss Rusneeda didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Kubang Juluk, Rantau Panjang, Pasir Mas, jam 9 pagi, 4 September 2018.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta yang sama yang memperuntukkan hukuman gantung sampai ma-

ti, jika sabit kesalahan.


Dalam penghakimannya, Roslan berkata, pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen kedua iaitu milikan, jagaan dan kawalan serta pengetahuan tertuduh terhadap dadah yang dijumpai di bawah kerusi kereta Proton Persona.

"Elemen ketiga iaitu pengedaran dadah pula secara automatik gagal kerana elemen kedua tidak berjaya dibuktikan. Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes pri-

ma facie. Oleh itu, tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri," katanya.

Beliau berkata, pihak pendakwaan mengemukakan lapan saksi terdiri daripada pegawai penyiasat, pegawai polis dan ahli kimia sepanjang perbicaraan kes itu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Aida Fatimah Abd Jabar dan tertuduh diwakili peguam, Ahmad Nizam Mohamed. - Bernama



TAJUK : GIRL WHO RAN AWAY FOUND SAFE

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Girl who ran away found safe

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: A girl who got an entire team of rescuers searching for her after she ran away from home following a quarrel over a pair of shoes in Kota Belud district has been found safe.

The 11-year-old, who was reported missing by her parents on Sunday, was found by villagers at Kampung Dudar around 9.30pm on Monday.

According to firemen, she went into hiding and did not want to

return home after running away, only to emerge from her hideout when she got tired and hungry.

The girl fought with her 10-year-old sister over a pair of shoes.

It is believed that she decided to leave home after her parents scolded her.

It was reported yesterday that the girl had ran into the forest near her house, and had even returned briefly but ran back to hide after discovering that there were people at home.

Kota Belud fire station chief Muhammad Syazwan Latun said

she was safely brought home after some villagers spotted her.

According to Muhammad Syazwan, this is not the first time the girl has run away after being scolded by her parents or after quarrels with her siblings.


However, this time is the longest that she had gone missing.

He said the parents decided to call for help after they failed to find her.

Over 30 people, including firemen, police, civil defence officials and villagers, were involved in the search operation.



Back home: Rescue personnel praying for the safe return of the girl.



TAJUK : [MAN ON TRIAL FOR DRAGGING DOG WANTS CHARGES AMENDED](#)

HARI : [RABU](#)

AKHBAR : [THE STAR](#)

TARIKH : [12 JUL 2023](#)

M/SURAT : [14](#)

TONE : [NEGATIF](#)

SEKTOR : [KPWKM](#)

Man on trial for dragging dog wants charges amended

SEREMBAN: A man charged with animal cruelty will file a representation to the Attorney-General's Chambers to have the charge amended.


Chok Boon Kwong, 61, who claimed trial when he was charged on June 8, told this to Sessions Court judge Rushan Lutfi Mohamed when the case came up for re-mention yesterday.

Counsel Nashvinder Singh Gill asked the court for a month's grace period for the next case management.

"We have received the relevant documents from the prosecution and will need some time to study it. We will also be filing a representation and hope the court can grant us a one-month period," he said.

Chok was charged with tying the canine to a car and dragging it along a road in Kg Sri Parit in Port Dickson. He allegedly committed the offence at about 6.45pm on May 27.

Rushan then fixed Aug 10 for case management.



TAJUK : NANCY: CARE ECONOMY TO BE INCLUDED IN COUNTRY'S DEVELOPMENT

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 12

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Nancy: Care economy to be included in country's development

KUALA LUMPUR: A care economy will be included in the national development and economic planning as many care activities done by women are often unpaid and unrecognised, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said the work burden on women often left many with little time to pursue opportunities and growth.

"According to the Department of Statistics, female graduates make up more than half of the current unemployment rate.

"This is one of the gendered effects of unpaid care and domes-

tic work," Nancy said in her speech at the United Nations Population Fund 50 Years of Progress celebration here yesterday, reported Bernama.

"In order to incorporate the care economy into national development, the barriers, data gaps, infrastructural requirements, legislative necessities and stakeholders need to be identified."

Vital data is also necessary for the Recognition, Reduction, Redistribution (3R) approach to be implemented to address the issue of unpaid care work done by women.

"For example, an important data in the average time spent on

providing care for both men and women in households.


"From this data, we are able to identify care deficits and what areas are needed to be targeted by relevant policies," she said.

The minister added that it will also allow people to value the care economy in terms of time, expertise, opportunity cost and social merit.

On another matter, when asked about the sale of child-like sex dolls on an ecommerce platform, Nancy said the platform had already taken down the listing of sex dolls and the government was keeping an eye on the matter to ensure it would not happen again.



Empowering women: Advocates taking part in the Jerayawara Kasih programme's Larian Ria event in Kepala Batas, Penang. — Bernama



TAJUK :	WOMEN SURPASS MEN IN EDUCATIONAL ACHIEVEMENT		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	12 JUL 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Women surpass men in educational achievement

PUTRAJAYA: Malaysia Gender Gap Index (MGGI) scored 0.707 or 70.7% in 2021 compared to 0.714 or 71.4% 2020, with women's achievement surpassing men in the educational attainment sub-index with a score of 1.060, said the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in conjunction with World Population Day.

MGGI identifies the gap between women and men across four sub-indices encompassing economic participation and opportunity, educational attainment, health and survival and political empowerment.

A score with a value of 1.0 or 100% indicates the equality of women and men has been achieved, reported Bernama.

DOSM said girls are consistently enrolling at higher rates than boys in both primary and secondary school.

"In 2022, the gross enrolment rate for females in primary and secondary levels were 98.4% and 94.5% respectively. At the tertiary level, women at 47.5% outnumbered men at 33.8%. This achievement supports the country's commitment to providing access to high-quality education," it said.

On economic participation and opportunity with a score of 0.709, DOSM said women's labour force participation rate in Malaysia has risen significantly from 44.5% in 1982 to 55.5% in 2021.

According to World Bank Indicator, the world's labour force participation rate of women stood at 52.5% in 2021.

On political empowerment, DOSM said it recorded 10% or a score of 0.100 which shows that there was potential for increased representation and empowerment of women in the political sphere.



TAJUK : THAI WOMAN ACQUITTED, ESCAPES GALLOWS

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Thai woman acquitted, escapes gallows

KOTA BHARU: A Thai woman escaped the gallows after the High Court acquitted and discharged her of trafficking 86.8g of methamphetamine in 2018.


Judge Datuk Roslan Abu Bakar made the decision after finding the prosecution had failed to prove a prima facie case against Miss Rusneeda Beraheng, 41.

Roslan said the prosecution failed to prove the second element, namely possession, custody, control and knowledge of the drugs discovered under the seat of a car.

"The third element, drug trafficking, automatically failed because the second element was not successfully proven. Therefore, the accused is acquitted and discharged of the case without being called to enter her defence."

Miss Rusneeda was charged with committing the offence in front of an unnumbered house in Kampung Kubang Juluk, Pasir Mas at 9am on Sept 4, 2018.

The charge, under Section 39B (1) (a) of the Dangerous Drugs Act 1952 and punishable under Section 39B (2) of the same law, provides for the death sentence. - Bernama



TAJUK : WOMAN IN COURT OVER RECEIVING UNLICENSED DEPOSITS

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Woman in court over receiving unlicensed deposits

MALACCA: A single mother pleaded not guilty in the Sessions Court yesterday to two charges of receiving investment deposits totalling RM581,000 without a valid licence.

Noryani Abdullah, 56, was charged with accepting unlicensed deposits of RM249,500 into her bank account from Fatimah Abdullah, 61.

She is alleged to have committed the offence at a bank in Jalan Hang Tuah between Jan 8 and Oct 26, 2020.

Judge Mohd Sabri Ismail set bail at RM25,000 in one surety and Aug 11 for mention.

She was earlier charged in another Sessions Court before Judge Darmafikri Abu Adam with receiving


unlicensed deposits of RM331,500 at a bank in Jalan Hang Tuah between Feb 16 and Sept 24, 2021.

Noryani, who has six children, was allowed bail of RM20,000 in one surety, ordered to surrender her passport to the court and to report at a police station once a month.

The two charges against Noryani, who was represented by lawyer

Andrew Lourdes, were under Section 137 (1) of the Financial Services Act 2013, that provides for imprisonment of up to 10 years, a maximum fine of RM50 million, or both.

DPPs Puteri Nur Nadia Mohamed Iqbal and Aliff Asraf Anuar Sharuddin prosecuted.
- Bernama



TAJUK :	60 AKAN TERIMA SURAT KELULUSAN KEWARGANEGARAAN		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	12 JUL 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

60 akan terima surat kelulusan kewarganegaraan

Daripada jumlah itu, 40 orang daripadanya akan terima surat tersebut 24 Julai ini

Oleh Andy Sabang

SIBU: Seramai 60 rakyat Sarawak yang sebelum ini tidak memiliki kewarganegaraan akan menerima surat kelulusan kewarganegaraan Malaysia tidak lama lagi.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, daripada jumlah itu seramai 40 orang daripada mereka akan menerima surat tersebut pada 24 Julai ini.

"Seramai 40 daripada mereka akan menerima surat itu daripada Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg pada 24 Julai ini manakala 20 lagi akan menerimanya dalam majlis berasingan," katanya di sini, semalam selepas menyampaikan Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan (DSITKS) kepada enam

“Seramai 40 daripada mereka akan menerima surat itu daripada Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg pada 24 Julai ini manakala 20 lagi akan menerimanya dalam majlis berasingan.”

Dato Sri Fatimah Abdullah
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan
Kesejahteraan Komuniti

kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang berumur 21 tahun ke bawah.



TERIMALAH: Fatimah (empat kanan) menyerahkan dokumen DSITKS kepada salah seorang kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dalam satu majlis di Sibu semalam.

Kenam-enam penerima tersebut termasuk empat dari bahagian Sarikei manakala dua lagi dari Sibu.

Mengenai DSITKS Fatimah berkata, sehingga 30

Jun lalu 189 daripada 634 permohonan telah diluluskan.

Katanya, DSITKS yang sah selama dua tahun adalah untuk memberi akses kepada

kanak-kanak kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Beliau berkata dokumen itu hanya boleh digunakan oleh


individu tanpa kerakyatan berumur 21 tahun ke bawah yang telah memohon kewarganegaraan Malaysia di bawah Seksyen 15A Perlembagaan Persekutuan.

"Daripada 189, 18 daripadanya telah menerima kerakyatan Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.

"Seramai 289 lagi pemohon telah memenuhi syarat yang ditetapkan manakala baki 345 permohonan tidak memenuhi syarat.

"Kebanyakan permohonan yang tidak mendapat kelulusan adalah kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil kelahiran," tegasnya.

Selaras dengan itu, beliau menasihati ibu bapa supaya memohon sijil kelahiran untuk anak-anak mereka tanpa mengira usia anak mereka kerana ia akan membantu mempercepatkan proses permohonan DSITKS.



TAJUK :	EDAR DADAH: WANITA WARGA THAILAND TERLEPAS TALI GANTUNG		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	12 JUL 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

Edar dadah: Wanita warga Thailand terlepas tali gantung

Pihak pendakwaan didapati gagal mewujudkan kes prima facie

KOTA BHARU: Seorang wanita warga Thailand terlepas hukuman gantung selepas Mahkamah Tinggi di sini, semalam membebas dan melepaskannya selepas mengetepikan sabitan terhadap tuduhan mengedar 86.8 gram (g) dadah jenis Methamphetamine, empat tahun lepas.

“Elemen ketiga iaitu pengedaran dadah pula secara automatik gagal kerana elemen kedua tidak berjaya dibuktikan. Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie. Oleh itu, tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri.”

Datuk Roslan Abu Bakar
Hakim

Hakim Datuk Roslan Abu Bakar membuat keputusan itu selepas mendapati pihak



TERLEPAS: Miss Rusneeda (kiri) terlepas hukuman gantung selepas Mahkamah Tinggi di Kota Bharu semalam membebas dan melepaskannya selepas mengetepikan sabitan terhadap tuduhan mengedar 86.8 g dadah jenis Methamphetamine, empat tahun lepas. — Gambar Bernama

pendakwaan gagal mewujudkan kes prima facie terhadap tertuduh Miss Rusneeda Beraheng, 41 tahun.

Miss Rusneeda didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Kubang Juluk, Rantau Panjang, Pasir Mas pada pukul 9 pagi, 4 September 2018.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta yang sama yang memperuntukkan

hukuman gantung sampai mati, jika sabit kesalahan.

Dalam penghakimannya, Roslan berkata pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen kedua iaitu milikan, jagaan dan kawalan serta pengetahuan tertuduh terhadap dadah yang dijumpai dibawa kerusi kereta jenis Proton Persona.

“Elemen ketiga iaitu pengedaran dadah pula secara automatik gagal kerana elemen kedua tidak berjaya dibuktikan. Pihak pendakwaan gagal membuktikan

kes prima facie. Oleh itu, tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri,” katanya.

Beliau berkata pihak pendakwaan telah mengemukakan seramai lapan saksi terdiri daripada pegawai penyiasat, pegawai polis dan ahli kimia sepanjang perbicaraan kes itu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Aida Fatimah Abd Jabar dan tertuduh diwakili peguam Ahmad Nizam Mohamed. — Bernama



TAJUK : IBU TUNGGAL DIDAKWA TERIMA DEPOSIT LEBIH RM500,000 TANPA LESEN

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu tunggal didakwa terima deposit lebih RM500,000 tanpa lesen

MELAKA: Seorang ibu tunggal mengaku tidak bersalah di dua Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas dua pertuduhan menerima deposit pelaburan tanpa lesen yang sah, berjumlah RM581,000 antara Januari 2020 dan September 2021.

Dalam prosiding di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail, Noryani Abdullah, 56, didakwa menerima deposit wang pelaburan daripada Fatimah Abdullah, 61, berjumlah RM249,500 yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi tertuduh, untuk tujuan perniagaan pelaburan.

Wanita itu didakwa menerima deposit berkenaan tanpa lesen yang sah di bawah Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, di sebuah bank di Jalan Hang Tuah di sini antara 8 Januari 2020 hingga 26 Oktober 2020.

Sementara itu, di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam, wanita itu didakwa menerima deposit wang pelaburan daripada mangsa yang sama, berjumlah RM331,500 yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi tertuduh untuk tujuan perniagaan pelaburan tanpa lesen yang sah.

Ibu kepada enam anak itu dituduh melakukan kesalahan berkenaan di sebuah bank di Jalan Hang Tuah di sini antara 16 Februari 2021

hingga 24 September 2021.


Kedua-dua pertuduhan mengikut Seksyen 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 137(2) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak melebihi RM50 juta atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya Puteri Nur Nadia Mohamed Iqbal dan Timbalan Pendakwa Raya Aliff Asraf Anuar Sharuddin dan masing-masing menawarkan jaminan RM30,000 dan RM20,000 dengan seorang penjamin, serta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah selain perlu melapor diri sebulan sekali di balai polis.

Bagaimanapun peguam tertuduh, Andrew Lourdes memohon jaminan dikurangkan memandangkan tertuduh tidak bekerja dan perlu menyara enam orang anak, selain menghidap penyakit kencing manis serta darah tinggi.

Hakim Mohd Sabri kemudiannya membenarkan tertuduh jaminan sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin, manakala Hakim Darmafikri membenarkan jaminan sebanyak RM20,000 serta syarat tambahan.

Kes disebut semula pada 11 Ogos depan. — Bernama



TAJUK : MGGI CATAT 70.7 PERATUS PADA 2021, WANITA ATASI LELAKI DALAM PENDIDIKAN

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

MGGI catat 70.7 peratus pada 2021, wanita atasi lelaki dalam pendidikan

PUTRAJAYA: Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) mencatatkan 0.707 atau 70.7 peratus pada 2021 berbanding 0.714 atau 71.4 peratus pada 2020 dengan pencapaian wanita telah melebihi lelaki dalam subindeks pencapaian pendidikan dengan skor 1.060, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

MGGI mengenal pasti jurang antara wanita dan lelaki dalam empat subindeks merangkumi peluang dan penyertaan ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kehidupan serta penguasaan politik. Skor dengan nilai 1.0 atau 100 peratus menunjukkan kesaksamaan antara wanita dan lelaki telah dicapai.

DOSM dalam kenyataan sempena Hari Penduduk Sedunia 2023 semalam me-

maklumkan kadar enrolmen di peringkat rendah dan menengah bagi perempuan secara konsisten adalah lebih tinggi berbanding lelaki.

“Pada 2022, kadar enrolmen kasar bagi perempuan di peringkat rendah dan menengah masing-masing ialah 98.4 peratus dan 94.5 peratus. Di peringkat tertiar, wanita dengan 47.5 peratus mengatasi lelaki dengan 33.8 peratus. Pencapaian ini menunjukkan komitmen negara dalam menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi,” menurut kenyataan itu.

Menurut DOSM, bagi penyertaan dan peluang ekonomi yang mencatatkan skor 0.709, kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia telah meningkat dengan ketara daripada 44.5 peratus


pada 1982 kepada 55.5 peratus pada 2021.

DOSM memaklumkan, menurut World Bank Indicator, kadar penyertaan tenaga buruh dunia bagi wanita ialah 52.5 peratus pada 2021.

Penguasaan politik pula merekodkan 10 peratus atau skor 0.100 yang menunjukkan terdapat potensi peningkatan perwakilan dan pemerkasaan wanita dalam bidang politik.

“Penglibatan wanita Malaysia dalam ekonomi dan pendidikan adalah penting, namun terdapat peluang bagi wanita untuk terus maju menganggotai barisan kepimpinan dalam sistem politik negara, dengan wanita memegang 17.9 peratus jawatan menteri pada 2021,” menurut DOSM.

— Bernama



TAJUK : PRESTASI CEMERLANG AGNES MEMBANGGAKAN NEGARA

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Prestasi cermerlang Agnes membanggakan negara

SIBU: Prestasi cermerlang atlet Special Olympic (SO), Agnes Tiong Hui, 14, dari SO Sibu memenangi satu pingat gangsa bagi acara perseorangan pingpong dan satu lagi pingat gangsa bagi pingpong beregu campuran pada temasya Special Olympics World Games 2023 di Berlin, Jerman membanggakan negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, pencapaian itu merupakan satu kejayaan besar dalam persaingan peringkat dunia yang sudah tentu menjadi satu impian kepada semua atlet.

“Bagi kami, Agnes amat hebat kerana melalui cabaran perlu ditempuhi sebelum meraih pingat dalam acara pingpong daripada acara perseorangan dan beregu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis ringkas penyampaian sijil penghargaan kepada Agnes atas pencapaiannya di Hospital Sibu semalam.

Fatimah berkata, Agnes menunjukkan menerusi semangat perjuangan tinggi seseorang itu boleh mencapai apa dicita-citakan.



PENGHARGAAN: Fatimah menyampaikan sijil penghargaan kepada Agnes sambil disaksikan Noriah (Kanan) dan Toh (kiri) di Sibu semalam.

“Bukan mudah mencapai peringkat dunia kerana perlu melalui peringkat sekolah, bahagian, negeri dan kebangsaan terlebih dahulu.

“Beliau mencapainya dengan sokongan padu daripada ibunya Chua Hong Bing dan jurulatih Mary Chung,” jelasnya.

Beliau turut menyeru kerajaan persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Belia dan Sukan memberi insentif dan pengiktirafan kepada semua atlet paralimpik Sarawak yang mewakili Malaysia atas pencapaian mereka pada Sukan Para Asia Ke-12 di Kemboja, Jun lalu.

Sementara itu, Fatimah

berkata ibu Tiong, Chua Hong Bing berhak mendapat bantuan bulanan daripada kerajaan kerana beliau seorang ibu tunggal menjaga tiga anak.

“Chua yang merupakan seorang kerani tadika juga merupakan bekas atlet taekwondo SUKMA Sarawak.

“Membesarkan anak kurang upaya tidak semudah berbanding anak normal, saya berpendapat ibu Agnes berhak mendapat bantuan bulanan,” katanya.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Noriah Ahmad dan Pengarah Klinikal SO Malaysia Dr Toh Teck Hock.